

SHAMSUL JANGARUDIN
shamsul@sh.com.sg

Penerima zakat mahu kembali sihat agar mampu berdikari

PADA masa senggangnya, Encik Zulkiffi Hamid gemar membuat kraf tangan dan membuat barangan antik. Selain melukis, beliau pernah menaiki kapal selam, berenang, dan menaiki pesawat terbang. Selepas melalui proses membersihkan dan mengeringkan, kulit ketam itu kini menjadi perhiasan rumah.

Hasil tangannya ada kala dijual bagi meraih pendapatan sampingan buat keluarga.

"Ada jugalah tambah-tambah buat duit," kata Encik Zulkiffi, 50 tahun.

Kurang 10 tahun lalu, kehidupan Encik Zulkiffi sebenarnya jauh berbeza.

Ketika itu, beliau bekerja sepenuh masa sebagai penyelia pembetulan. Bahkan, beliau pernah membawa pulang hampir \$3,000 sebulan. Beliau mampu membawa keluarganya keluar beriadah dan makan di luar.

Namun, segalanya pusing pada 2014. Beliau tiba-tiba jatuh sakit. Dalam masa 10 bulan sahaja, beliau tidak boleh berjalan.

"Saya ingat sakit biasa. Pergi doktor. Doktor pun belum tahu apa-apa."

"Apabila saya jalani imbasan X-ray dan imbasan lain, baru tahu urat belakang semua banyak terjerak," ujarnya.

Beliau kemudian disahkan menghidap sejenis arthritis yang menjadikan sendi dan ototnya kejang hingga menyebabkannya tidak mampu berjalan.

Doktor kemudian memahalkannya supaya menjalani pembedahan kakinya.

Sejurus pembedahan tersebut dilakukan, Encik Zulkiffi berkata doktor menulis nota menjelaskan bahawa beliau tidak kuat bekerja.

"Apabila datang sakitnya, kadang-kadang pegang kopi pun boleh beberapa kali terlepas. Barang berat seperti beras dan minyak lima kilogram semasa dah tak boleh angkat," katanya.

Dengan lima anak yang masih kecil, beliau tidak mampu berdikari. Mereka berusia antara dua dengan 11 tahun serta masih berseskolah.

Beliau pernah mendapatkan bantuan haji memulakan keperluan keluarga dan perubahan tidak lenyah.

Bagaimanakah beliau dapat bantuan, tiga anaknya pula mengalami masalah? Keadaan satu daripada mereka pun agak serius.

Isiterinya, Cik Hasnah Ramlan, 31 tahun, pernah bekerja secara sambilan sebagai penulih rumah.

Namun, beliau berhenti kerja tahun lalu untuk menjaga anak dan suami di rumah.

Pada 2017, Encik Zulkiffi mengambil keputusan pergi ke Masjid Jamiah Ar-Rabitah di Bukit Merah untuk mendapatkan bantuan.

Menaras perjuangannya dengan pegawai pembangunan sosial (SDO) masjid tersebut, Encik Zulkiffi dan keluarga menerima bantuan zakat.

"Sehinggalah zakat setiap bulan, Mas'kan beri wang tambahan setiap



BANTUAN PERKASA KELUARGA: Pegawai pembangunan sosial Masjid Jamiah Ar-Rabitah, Encik Abdul Halim Musadek (kanan), menyampaikan bantuan kepada Encik Zulkiffi dan Cik Hasnah. - Foto MEDIACORP

bulan untuk membeli baju bayi buat seisi keluarga. Huang tahun pun ada bantuan lagi. Mus'kan (dan masjid) banyak bantu kita. Alhamdulillah," katanya.

Selain bantuan kewangan, masjid menyediakan kelas tuysen dan madrasah percuma buat mereka.

Masjid turut bantu mendapatkan

komputer riba bagi kegunaan sekolah anak sulung Encik Zulkiffi, yang kini menuntut di Sekolah Rendah Zhangle.

Hasil bantuan menyeluruh yang diberi, SDO masjid, Encik Abdul Halim Musadek, berkata anak Encik Zulkiffi kini banyak menyertai kegiatan anjuran Masjid Jamiah

Ar-Rabitah.

"Ini mengalakkan mereka berfikiran positif. Alhamdulillah, dengan sokongan ibu bapa, usya-Alah mereka akan menjadi individu berfikiran positif," kata Encik Abdul Halim.

Kini, setiap hari, Encik Zulkiffi memastikan dirinya melakukan se-

manan ringan. Beliau pun tidak terlepas mengikuti terapi untuk memperbaiki keadaannya.

"Dulu saya tak boleh pegang kelapa tapi selepas saya pergi terapi, sekarang dah boleh," ujarnya.

Meskipun dugaan hidup seakan belum nampak pengujungnya, beliau berazam kembali bekerja dan

menyara keluarga.

"Saya berazam agar saya kembali pulih dan boleh bekerja, jadi saya boleh beli rumah, bayar anak dan isteri sampai akhir hayat. Itu harapan saya yang paling tinggi," katanya.

► *Shamsul Jangarudin ialah penulis sambilan.*

KAEDAH BAYAR ZAKAT

Bayar zakat harta dan fitrah atau cek menerusi:

a) Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), 273 Braddell Road, Singapura 579702. Cek harus dipangkah dan bayaran ditulus atas nama MUIS.

b) Masjid, iaitu pusat pungutan zakat bertauliah MUIS.

c) Nets atau CashCard di stesen layan diri AXS negara mana.

d) Laman ENETS DEBIT www.zakat.sg.

e) Ansuran bulanan melalui Giro. Muat turun borang di www.zakat.sg, isi dan hantarkan kepada MUIS.

f) Institusi kewangan, khas buat pelanggan - Laman CIMB Clicks - Akaun Al-Wadiah OCBC - DBS/POSB; mesin ATM, perbankan internet internet-bank-ing.dbs.com.sg atau aplikasi telefon bijak DBS, POSB atau PayLah!

HIKMAH RAMADAN

Santuni warga bukan Islam sempena Ramadan

MASYARAKAT Melayu-Islam Singapura wajar membuat pelepasan Ramadan ini untuk berikhtisam tentang agama Islam, terutama berkaitan Ramadan kepada mereka yang berbangsa dan agama lain.

Pada bulan mulia ini, Ustaz Irwan Hadi Mohd Shuhaimy menasihatkan supaya masyarakat menunjukkan contoh yang baik sebagai orang Islam dan layan orang lain sebagaimana kita mahu didiyan.

Ustaz Irwan Hadi, Timbalan Pengarah (Dasar Keagamaan dan Pengawalan) Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), berkata demikian dalam program *Hikmah Ramadan* yang disiarkan di stesen radio setempat baru-baru ini.

Beliau menyentuh tentang meraiikan kepelbagaian warga atau agama dalam masyarakat dan tuntutan agama memulakan warga beribadat dan bergema lain.

Katanya, sejauh ini, masyarakat sudah banyak diingatkan bagaimana puasa antara lain bertujuan menyuburkan keikhlasan terhadap sesama insan. Ini khususnya bagi mereka yang memeluk Islam.

"Sepanjang Ramadan ini juga, kita sudah melihat melalui pelbagai wadah media massa dan media sosial bagaimana masyarakat Islam beribadat dengan berkesan dan berkesan," ujarnya.

Gambaran itulah yang diimpikan, kata Ustaz Irwan Hadi.

Beliau membaca ayat 107 Surah Al-Anbiya, yang bererti:

"Dan tidaklah kami mengutuskan kamu ya Rasulullah s.d.k kecuali sebagai rahmah buat sekalian alam."

Beliau juga mengajik umat Islam menelusuri sejarah kehidupan Baginda.

Kita akan menemui terluh banyak contoh serta teladan daripadanya dalam menghayati arti 'rahmah' ini dalam.

"Yang namanya rahmah buat sekalian alam bererti seseorang akan mencirikan bantuan, santunan, layanan baik serta kerjasama kepada sesama sahaja tanpa mengira bangsa mahupun agama, selagi mana ia demi kebaikan dan kebahagiaan bersama.

"Masyarakat rahmah merupakan masyarakat yang apabila ingin



USTAZ IRWAN HADI: Timbalan Pengarah (Dasar Keagamaan dan Pengawalan) Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) ini, menerusi program 'Hikmah Ramadan' di radio, antara lain mengajik orang Islam supaya menunjukkan contoh yang baik dan layan orang lain sebagaimana kita mahu didiyan. - Foto MUIS

menabur bakti, setiap yang berada di sekeliling pasti akan rasa kebaikan dan meraih kemanfaatan daripada kebajikannya, tidak kiralah sama ada mereka sebagai atau daripada agama yang lain," katanya.

Beliau menkil kisah yang pernah dirivayatkan dalam kitab *Zadul Ma'ad* karangan Ibnu Qayyim Al-Jauziyah.

Pernah rombongan pengikut Kristian dari Najran datang ke Madinah berhenti dengan Nabi Muhammad.

Kemudian ketika tiba waktu mereka melakukan ibadah, Nabi membenarkan mereka melaksanakannya di Masjid Nabawi.

"Subhannallah, begitu kesantunan Nabi. Baginda dengan keyakinan dan ketimaman yang jitu sedikit pun tidak rasa bahawa dengan melakukan kebaikan kepada orang bukan Islam atau mengizinkan mereka beribadat di dalam masjidnya, akan mengurangkan mahupun menjejaskan ketimaman.

"Malangnya, sebelum Ramadan ini, kita mendapat berita menyayat hati di mana individu yang mendakwa dan menyalinggunakan nama Islam dan melakukan tindakan kega-

manan yang meragut nyawa pengikut agama Kristian yang tidak ber-salah di Sri Lanka.

"Ini sesuatu yang perlu kita perhatikan dan pastikan bahawa ia tidak berlaku di tempat kita khususnya atau di mana-mana.

"Kalau kita lihat, kita diajak terus menyantuni, melayani siapa sahaja dengan kebaikan atau sama ada mereka ini kaum keluarga atau teman-teman yang hukan daripada agama Islam," ujarnya.

Lahir sahaja suatu ketika Asma Abu Bakar diziarahi ibunya yang bukan bergam Islam.

Meskipun ketika itu sudah ada perjanjian damai di antara suku Quraisy dengan Rasulullah, masih rasa bimbang ketegangan.

Oleh sebab itu, beliau bertanya kepada Nabi:

"Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibuku telah datang bertemu dengan engkau dan engkau sangat bertemu."

"Apakah bersesuaian, ya Rasulullah, untuk berhubung denganmu?"

Nabi s.a.w. kemudian bersabda: "Ya, sambunglah hubunganmu dengan ibumu."

Kisah itu dirivayatkan oleh seorang ulama tafsir menjadi sebah-

annya ayat kelapan surah Al-Mumtahanah, di mana Allah SWT berfirman:

"Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik atau kebaikan serta berlaku adil kepada orang-orang bukan bergam Islam yang tidak mencurangi kamu kerana agamamu mahupun mengusir kamu keluar daripada rumahmu. Sesungguhnya Allah mengizinkan orang-orang yang berlaku adil kepada orang-orang bukan bergam Islam."

"Kita melihat bagaimana dalam Ramadan ini, masjid telah membuka pintu-pintu bukan sahaja kepada setiap Muislman بلکه kepada seluruh masyarakat Singapura daripada pelbagai bangsa supaya kita sama-sama rasa pengalaman beribadat bersama.

"Bahkan telah menjadi tradisi dan budaya masyarakat dan perantaraan Islam di Singapura melakukan aktiviti kebajikan buat masyarakat dan membantu golongan memerlukan tanpa mengira bangsa dan agama."

"Kita juga pernah lihat, beberapa tahun yang lalu, disebarkan di akhbar tentang keluarga Muslim

yang mengambil kesempatan Ramadan untuk memperkukuh hubungan antara jiran tetangga yang datang daripada pelbagai budaya.

"Ini antara budaya kehidupan yang selari dengan prinsip dan dasar syariah serta sunnah Nabi dan perlu terus mekar serta berkembang.

"Ini disebabkan itu peranan setiap daripada kita sebagai duta Islam di mana sahaja kita berada, tidak kiranya di rumah, tempat kerja, sekolah mahupun persetiaan.

"Pastikan bahawa dalam apa jua satuan dan aktiviti kebajikan, mereka yang bukan Islam dapat merasai kebaikan dan dapat disenitih nurani dan mahu kebaikan kita.

"Hidup sebagai masyarakat minoriti ini merupakan satu hikmah dan nikmat pada masa yang sama, di mana kita disajikan dengan lebih banyak peluang terus memperkukuh Islam serta agamannya yang murni kepada lebih ramai anggota masyarakat daripada agama lain.

"Semoga Ramadan ini menjadi pencetus kita dapat terus memperkukuh kemuliaan Islam serta pengikmatan dan mencermakan lagi semangat 'rahmah' ini dalam," katanya.

Yummy FOOD EXPO
美味飲食展 2019
27-30 JUNE
SINGAPORE EXPO HALL 5
11am-10pm Daily

The best platform for all FOOD Businesses!

Why Yummy Food Expo?
• Interactive prints, radio, TV and social media coverage
• Large consumer crowd
• Maximize brand awareness & generate revenue

BOOK YOUR SPACE NOW!

Call 63193373
sales@singaporefoodshows.com.sg

For more information, visit <http://bit.ly/singaporefoodshows>

SingaporeFoodShows